



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	24 JULY 2017

Mahathir cipta publisiti elak nama terus tenggelam

UM-24/7/2017 Pg. 8

KOTA BHARU 23
Julai - Pengerusi Pakatan Harapan, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang menyatakan kesediaan menentang Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak di Parlimen Pekan dilihat sengaja mencipta publisiti bagi mengelak namanya terus tenggelam dalam arena politik negara.

Ketua UMNO Bahagian Kota Bharu, Tan Sri Mohamad Fatmi Che Salleh berkata, Dr. Mahathir sebenarnya sedar bahawa beliau tidak mempunyai kemampuan untuk bertanding di kawasan parlimen tersebut.

Katanya, tindakan itu juga dilihat kesinambungan daripada sikap Dr. Mahathir sebelum ini yang suka mencipta publisiti murahan menerusi cara menghentam kepimpinan kerajaan yang diketuai Najib.

"Mahathir tahu, dia tidak berupaya untuk menang di Pekan kerana sokongan kuat rakyat terhadap Najib.

"Jadi dia percaya jika bertanding dengan Najib di Pekan, popularitinya akan bertambah. Itulah yang dia mahukan." katanya kepada pemberita ketika ditemui pada Majlis Aidilfitri Majlis Sukan Negeri (MSN) Kelantan di sini hari ini.

Yang turut hadir, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed; Pengerusi MSN negeri, Datuk Rosmadi Ismail dan Pengarah MSN Kelantan, Datuk Mohamed Nordin Awang.

Mengulas lanjut, Mohamad Fatmi berkata, beliau yakin dan percaya rakyat bijak menilai tindakan Dr. Mahathir tersebut.